



Skuter elektrik disita kerana melanggar syarat lesen dan menghalang laluan di Taman Tasik Titiwangsa.

DBKL sita skuter elektrik Taman Tasik Titiwangsa

Tindakan tegas
terhadap peniaga
didapati melanggar
syarat sah lesen

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak tegas menyita barangan perniagaan yang menghalang laluan di kawasan awam di Taman Tasik Titiwangsa, di sini, pada Sabtu.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan, operasi dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan serta Pembangunan Perniagaan menerusi Tindakan Khas Penjaja Siri 3/2024.

"Melalui tindakan dijalankan kali ini, DBKL merekodkan sembilan kes tindakan sita, pindah halangan dan barangan perniagaan menerusi kesalahan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016



Kenderaan dirampas dibawa ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk proses dokumentasi.



kerana melanggar syarat lesen.

"Selain itu, tindakan dilakukan mengikut Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kerana meletakkan atau meninggalkan barangan di tempat awam," katanya pada Ahad.

Terdahulu, operasi berkenaan turut disertai Pejabat Cawangan Setiawangsa, Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal.

Dalam pada itu, DBKL turut me-

maklumkan sebanyak 111 peralatan sewaan perniagaan juga dipindahkan terdiri daripada basikal, skuter elektrik dan sebagainya.

"Barangan disita akan dihantar ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja di Cheras untuk dokumentasi dan tindakan selanjutnya.

"Tindakan dan pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri tindakan khas di 11 Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari semasa ke semasa," katanya.